



KENYATAAN MEDIA

YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
Julai 2017

PENETAPAN SPESIFIKASI MADU KELULUT MELALUI *MALYSIAN STANDARD (MS 2683) KELULUT (STINGLESS BEE) HONEY – SPECIFICATION*

PUTRAJAYA, JULAI – Susulan daripada isu penjualan madu kelulut tiruan di pasaran, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah membangunkan Malaysian Standard (MS) 2683 *Kelulut (Stingless bee) honey – Specification*.

Industri penternakan lebah kelulut dan penghasilan madu kelulut sedang berkembang pesat di Malaysia. Kini terdapat lebih kurang 750 hingga 1,000 penternak lebah Kelulut di seluruh negara dan bilangan ini dipercayai akan terus meningkat pada masa akan datang.

Namun, pengeluaran madu yang dihasilkan buat masa ini tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi daripada pengguna menyebabkan harga madu kelulut menjadi tinggi. Keadaan ini seterusnya mendorong

kemasukan madu kelulut tiruan dalam pasaran. Penjualan madu kelulut tiruan di seluruh negara boleh menjejaskan keyakinan pengguna seterusnya merendahkan imej produk madu kelulut negara.

MS yang dibangunkan ini menetapkan keperluan kualiti, pensampelan, penyediaan sampel ujian, kaedah ujian, kebersihan, pembungkusan dan pelabelan bagi madu kelulut yang dihasilkan oleh lebah kelulut daripada jenis *Meliponini*.

MS ini akan digunakan sebagai rujukan oleh kementerian serta agensi yang berkaitan, pusat pengumpulan dan pemprosesan madu kelulut dan pengeluar produk madu kelulut dalam penentuan kualiti madu untuk memastikan madu kelulut keluaran tempatan adalah selamat, berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan pengguna.

Selain itu, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia turut membangunkan MS 2679 berkenaan Amalan Pertanian Baik (APB) - Pemeliharaan lebah (*tribus Apini*) dan kelulut (*tribus Meliponini*) sebagai rujukan dalam aktiviti pemeliharaan lebah untuk tujuan penghasilan madu.



Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092

Unit Pembangunan Standard Kebangsaan
Bahagian Standardisasi
Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 0002
Emel: unitstd@jsm.gov.my